

**MEMORANDUM PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN
(SMJK) / SEKOLAH MENENGAH CONFORMING MALAYSIA
TAHUN 2020**

PENGENALAN

Pada tahun 1960an, sebilangan besar Sekolah-Sekolah Menengah Cina menerima tawaran kerajaan untuk bertukar kepada Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan. Di bawah Akta Pendidikan 1961, Sekolah-Sekolah Menengah Conforming ini dikategorikan sebagai *National-Type Chinese Secondary Schools* atau Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK). Kini terdapat 81 buah Sekolah Menengah Conforming di seluruh Malaysia. Pada ketika Sekolah-Sekolah Menengah Cina bersetuju menerima tawaran kerajaan untuk menjadi Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan, kerajaan telah memberi janji-janji berikut seperti yuran sekolah adalah percuma, membiayai gaji guru-guru dan staf, memberi peruntukan penyelenggaraan yang mencukupi, memberi tanah untuk pembangunan sekolah, membenarkan satu pertiga waktu pengajaran dalam Bahasa Cina, membenarkan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan menerima murid daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan mengekalkan hak Lembaga Pengelola Sekolah serta identiti Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Selepas bertukar menjadi Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan, tidak semua syarat tawaran dikotakan oleh kerajaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan bantuan kerajaan/ Kementerian Pendidikan.

Majlis Pembangunan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Conforming) Malaysia, MPSMJK(CF)M, ialah sebuah pertubuhan yang didaftarkan pada 10 hb November 2011, di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 dengan nombor pendaftaran PPM-004-08-11102011. Anggota pertubuhan kami terdiri daripada Lembaga-Lembaga Pengelola Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan pengetua-pengetua bersara yang pernah berkhidmat di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK). MPSMJK(CF)M ditubuhkan untuk memelihara kepentingan-kepentingan 81 buah Sekolah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) / Sekolah Menengah Conforming Malaysia.

Memorandum ini bertujuan untuk memohon Kementerian Pendidikan mengambil berat yentang masalah-masalah yang dihadapi oleh 81 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan / Sekolah Menengah Conforming Malaysia dan menyelesaikan masalah-masalah berkenaan melalui pendekatan baru dan dasar-dasar yang lebih adil dan saksama.

ISU-ISU PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN (SMJK)

1. MENGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MENGEMBALIKAN KEDUDUKAN RASMI SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN (SMJK)

RASIONAL:

Pada tahun 60an, banyak Sekolah Menengah Cina telah menerima tawaran kerajaan untuk menukar kepada sekolah menengah bantuan kerajaan yang dinamakan sebagai Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan / Sekolah Menengah Conforming Malaysia dengan singkatan SMJK. Dalam Akta Pendidikan 1996, semua sekolah menengah dikategorikan sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Maka Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) telah hilang status rasminya.

CADANGAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN:

Majlis kami mengesa Kementerian Pendidikan

- mengembalikan kedudukan rasmi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) melalui pindahan Akta Pendidikan 1996 dengan mengembalikan kategori Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan seperti dalam Akta Pendidikan 1961.
- mewujudkan unit SMJK di Kementerian Pendidikan supaya masalah dan hal ehwal Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dapat dikendalikan secara khusus.

2. MENGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MENGAGIHKAN PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN TAHUNAN KEPADA LEMBAGA PENEGLOLA SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN SECARA SISTEMATIK

RASIONAL:

Oleh kerana Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan / Sekolah Menengah Conforming Malaysia dikategorikan sebagai Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan, semenjak tahun 2012, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan telah menerima bantuan khas penyelenggaraan dan pembaikan kecil daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Bantuan khas ini disalurkan kepada akaun Lembaga Pengelola Sekolah. Pemberian bantuan khas ini tidak diberi secara sistematik. Peruntukan-peruntukan bantuan khas penyelenggaraan SMJK tidak dimasukkan dalam bajet tahunan kerajaan kecuali bajet tahun 2015, tahun 2019 dan tahun 2020. Peruntukan penyelenggaraan tersebut hanya diturunkan kepada Lembaga Pengelola Sekolah selepas rayuan dibuat melalui parti politik. Berikut ialah statistik pemberian bantuan khas penyelenggaraan dari tahun 2012 hingga 2020.

Tahun	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
RM (Juta)	20	20	20	25	15	15	15	15	20
Catatan	Tidak dalam bajet	Tidak dalam bajet	Tidak dalam bajet	Dalam bajet	Tidak dalam bajet	Tidak dalam bajet	Tidak dalam bajet	Dalam bajet	Dalam bajet

CADANGAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN:

Majlis kami mengesa Kerajaan/Kementerian Pendidikan

- mengagihkan bantuan khas penyelenggaraan dan pembaikan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan tahun 2020 dengan segera.
- memasukkan peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan / Sekolah Menengah Conforming Malaysia dalam bajet tahunan kerajaan secara sistematik.
- mengagihkan bantuan khas penyelenggaraan dan pembaikan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan / Sekolah Menengah Conforming Malaysia tahun-tahun akan datang pada bulan Mac setiap tahun supaya kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan dalam tahun semasa untuk kepentingan murid-murid sekolah.

3. MENGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MEMASTIKAN PENTADBIR SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN (PENGETUA, PENOLONG KANAN DAN KETUA BIDANG) MEMPUNYAI KELULUSAN BAHASA CINA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM).

RASIONAL:

3.1 Di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), pengetua dan pentadbir sekolah perlu bekerjasama dengan Lembaga Pengelola Sekolah dalam menjayakan banyak aktiviti dan program pembangunan sekolah untuk melestarikan iklim, budaya dan etos sekolah.

3.2 Pada tahun 60an, pihak Lembaga Pengelola Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan / Sekolah Menengah Conforming boleh melantik pengetua dan pentadbir yang mempunyai kelayakan dalam bahasa Cina. (Sila rujuk, perkara 9, *Assisted Schools Management Rules, 1962, Legislative Supplement No. 57, Education Act 1961*). Kini terdapat Pengetua dan pentadbir Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang tidak boleh berkomunikasi dalam Bahasa Cina kerana tidak mempunyai kelayakan Bahasa Cina dalam Sijil Pelajaran Malaysia.

3.3 Data kami pada 31 Julai 2020 menunjukkan bahawa: (sila rujuk Lampiran 1)

- 4 orang pengetua SMJK telah bersara/berpindah pada sebelum Julai 2020 dan kekosongan belum diisi,
- 4 lagi orang pengetua SMJK akan bersara pada tahun 2020,
- 6 orang pengetua SMJK akan bersara pada tahun 2021,
- 8 orang pengetua SMJK akan bersara pada tahun 2022,
- 9 orang pengetua SMJK akan bersara pada tahun 2023,
- 10 orang pengetua SMJK akan bersara pada tahun 2024

CADANGAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN:

- Untuk melestarikan budaya dan iklim pengajaran dan pembelajaran positif di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, kami memohon kepada Kementerian Pendidikan supaya memastikan pentadbir yang dilantik di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan mempunyai kelulusan Bahasa Cina dalam SPM.
- Disamping itu, untuk mengelakkan masalah berlakunya kekosongan jawatan pengetua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan lambat diisi kerana tiada calon berkelulusan Bahasa Cina SPM, kami mengesa Kementerian Pendidikan Malaysia mengambilkira calon pengetua yang dicadangkan oleh Lembaga Pengelola Sekolah berdasarkan *principle of maximum consultation* seperti yang diamalkan untuk sekolah-sekolah mubaligh. .
- Kami mengesa juga Kementerian Pendidikan memberi peluang yang secukupnya kepada penolong-penolong kanan berkelulusan Bahasa Cina SPM di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan untuk mengikuti kursus kepengetuan NPQEL. Pelapis pengetua perlu dilatih secara sistematik dan terancang untuk mengisi kekosongan perjawatan 33 orang pengetua yang akan bersara untuk tempoh tahun 2021 hingga 2024.

4. MENGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MENAMBAH BILANGAN GURU KETURUNAN TIONGHUA

RASIONAL: Mengikut data kami yang dikutip pada 31 Julai 2020, peratus guru Tionghua kian berkurangan di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK). Secara keseluruhan, peratus guru Tionghua di SMJK berkurang daripada 51.46% (4003 orang) pada tahun 2014 ke 48.06% (3601 orang) pada tahun 2017, dan berturun lagi ke 45.91% (3601 orang) untuk tahun 2020.

- 51 daripada 81 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan mempunyai peratus guru Tionghua yang kurang daripada 50%;
- 30 buah daripada kategori sekolah ini mempunyai peratus guru Tionghua kurang daripada 40%.
- 14 buah daripada kategori sekolah ini mempunyai peratus guru Tionghua kurang daripada 30%.
- Peratus guru tionghua di SMJK Perlis Cuma tinggal 12.8% (Sila rujuk Lampiran 2).

CADANGAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN:

Kami mengesa Kerajaan / Kementerian Pendidikan

- memastikan semua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus guru Tionghua supaya aktiviti-aktiviti identiti unik SMJK tidak dibebankan kepada segelintir kecil guru Tionghua dan dapat dilaksanakan dengan lancar di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti budaya pelbagai kaum masyarakat majmuk Malaysia.
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menambah pengambilan siswazah Tionghua dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menambah pengambilan siswazah lepasan ijazah Tionghua dari universiti tempatan yang melalui Program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI).

5. MENGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MENAMBAH BILANGAN GURU BEROPSYEN BAHASA CINA

RASIONAL: Mengikut data kami yang dikutip pada 31 Julai 2020, 81 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan kekurangan guru beropsyen Bahasa Cina seramai 87 orang.

CADANGAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN:

Kami mengesa Kerajaan / Kementerian Pendidikan

- memastikan satu strategi latihan sistematik guru beropsyen Bahasa Cina yang mencukupi untuk semua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menambah pengambilan siswazah beropsyen Bahasa Cina dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menambah pengambilan siswazah lepasan ijazah beropsyen Bahasa Cina dari universiti tempatan melalui Program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI).

6. MENGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MENGHANTAR GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING BERBILANG BANGSA KE SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN

RASIONAL: Mengikut data kami yang dikutip pada 31 Julai 2020, 13 (16.1%) Sekolah Menengah Conforming Malaysia langsung tidak mempunyai guru bimbingan dan kaunseling berketurunan Tionghua. Data kami menunjukkan bahawa 85% murid di Sekolah Menengah Conforming Malaysia adalah berketurunan Tionghua (Sila rujuk Lampiran 3). Sebilangan murid Tionghua memerlukan guru bimbingan dan kaunseling berketurunan Tionghua demi untuk bimbingan dan kaunseling yang lebih berkesan berdasarkan kefahaman adat resam dan budaya sepunya.

CADANGAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN:

Kami mengesa Kerajaan / Kementerian Pendidikan

- Memastikan setiap Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan mempunyai guru bimbingan dan kaunseling berbilang bangsa termasuk guru bimbingan dan kaunseling berketurunan Tionghua demi untuk bimbingan dan kaunseling berkesan.

7. MENGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MEMASTIKAN GURU PELBAGAI MATA PELAJARAN ADALAH MENCUKUPI DI SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN

RASIONAL: Mengikut data kami yang dikutip pada 31 Julai 2020, 81 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan kekurangan guru pelbagai opsyen seramai 359 orang. PIBG dan Lembaga Pengelola Sekolah terpaksa membiayai perbelanjaan tinggi dalam pengambilan guru ganti atau guru sementara. Ini sangat membebankan PIBG dan Lembaga Pengelola Sekolah.

CADANGAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN:

Kami mengesa Kerajaan / Kementerian Pendidikan

- memastikan satu strategi latihan sistematik guru pelbagai opsyen yang mencukupi untuk semua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
- memberi peruntukan guru ganti kepada PPD atau JPN supaya sekolah dibenarkan mengambil guru ganti dengan peruntukan kementerian dan bukan PIBG atau Lembaga Pengelola Sekolah.

8. MENGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MEMBIAYAI BIL-BIL UTILITI SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN / SEKOLAH MENENGAH CONFORMING MALAYSIA

RASIONAL:

Bil-bil utiliti semua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan / Sekolah Menengah Conforming Malaysia negeri Sabah dan Sarawak dibayar penuh secara pukal oleh Pejabat Pendidikan Daerah / Jabatan Pendidikan Negeri. Sebilangan besar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan di semenanjung Malaysia cuma menerima subsidi RM5000 sebulan (mengikut bil) untuk bil-bil utiliti, Baki bil-bil utiliti dibayar dengan bantuan kewangan Lembaga Pengelola Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK). Lembaga Pengelola Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan ialah pertubuhan pendidikan bukan berorientasi keuntungan. Lembaga Pengelola Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan menyediakan tanah, membina bangunan sekolah dan membantu kerajaan menyediakan pendidikan kepada generasi muda tanpa keuntungan. Kerajaan seharusnya memberi layanan yang saksama kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dalam bayaran bil-bil utility.

CADANGAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN:

Majlis kami mengesa Kerajaan / Kementerian Pendidikan

- mengubah dasar supaya Pejabat Pendidikan Daerah membayar penuh bil-bil utiliti semua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan / Sekolah Menengah Conforming Malaysia secara pukal kerana Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) juga memainkan peranan penting dalam pendidikan generasi muda Negara tercinta.

9. MENGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MENYAMPAIKAN SURAT KELULUSAN KEPADA SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN HENG EE CAWANGAN BAYAN BARU DENGAN KADAR SEGERA

RASIONAL:

Pada 22 Januari 2020, mantan Perdana Menteri selaku pemangku Menteri Pendidikan telah memutuskan bahawa SMJK Heng Ee Cawangan Bayan Baru diluluskan beroperasi sebagai sebuah sekolah menengah dengan pentadbiran sendiri sebagaimana yang dipohon oleh pihak sekolah.

CADANGAN TINDAKAN:

Majlis kami mengesa Kerajaan / Kementerian Pendidikan

- Menyampaikan surat kelulusan supaya SMJK Heng Ee boleh beroperasi sebagai sebuah sekolah dengan pentadbiran sendiri demi untuk kemajuan dan kelancaran pentadbiran sekolah serta kepentingan warga pendidik.

10. MENGESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MEMBENARKAN SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN MELAKSANAKAN PROGRAM DLP (DUAL LANGUAGE PROGRAM) SEPENUHNYA UNTUK SEMUA MURID.

RASIONAL:

Pada tahun 60an, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Mata pelajaran sains dan matematik diajar dalam bahasa Inggeris. Ketika pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun 2003, semua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan juga mengajar mata pelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris. Apabila dasar PPSMI dimansuhkan dan diganti dengan program dual language (DLP), Kementerian Pendidikan Malaysia membenarkan sekolah SMJK melaksanakan program DLP tetapi tidak diperluaskan kepada semua murid.

CADANGAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN:

- Memandangkan pengetahuan sains dan matematik berkembang pesat dalam Bahasa Inggeris dan demi untuk kesinambungan pembelajaran di universiti yang menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajaran sains dan matematik, maka, kami mengesa Kementerian Pendidikan membenarkan semua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan melaksanakan program DLP sepenuhnya dalam kalangan semua murid.

Lampiran 1: Analisis Tahun Pengetua Bersara

Bil	Tahun Pengetua Bersara	Bilangan
1	2020 (Kekosongan)	4
2	2020	4
3	2021	6
4	2022	8
5	2023	9
6	2024	10
7	2025	8
8	2026	10
9	2027	4
10	2028	5
11	2029	5
12	2030	2
13	2031	0
14	2032	1
15	2033	1
16	2034	1
17	2035	1
18	2036	1

Lampiran 2: Analisis Data Guru Mengikut Kaum

#	Kaum	Bilangan	Peratus %
1	Cina	3325	45.91
2	Melayu	2916	40.27
3	India	559	7.72
4	Bumiputra Sarawak	120	1.66
5	Bumiputra Sabah	213	2.94
6	Lain-Lain	87	1.20
	Jumlah	7242	100.00

Analisis Bilangan Sekolah SMJK mengikut Kategori Peratus Guru Tionghua

Category	Frequency	Cumulative Frequency
1-9 %	0	0
10-19 %	1	1
20-29 %	13	14
30-39 %	16	30
40-49 %	21	51
50-59 %	11	62
60-69 %	7	69
70-79 %	6	75
80-89 %	5	80
90-100 %	0	80
	80**	

1. ** Data di atas untuk 80 Sekolah SMJK termasuk SMJK Heng Ee (Cawangan).
2. 51 Sekolah SMJK mempunyai peratus guru Tionghua yang kurang daripada 50%.
3. 14 Sekolah SMJK mempunyai peratus guru Tionghua yang kurang daripada 30%.
4. 30 Sekolah SMJK mempunyai peratus guru Tionghua yang kurang daripada 40%.
5. Peratus Guru Tionghua di SMJK PERLIS hanya 12.8%.

Lampiran 3 Analisis Profil Murid SMJK

- 1 Jumlah Bilangan Murid SMJK ialah 104549 orang
- 2 Analisis Data Murid Mengikut Kaum

Kaum	Bilangan	Peratus %
Cina	88642	84.79
Melayu	5539	5.30
India	2995	2.86
Orang Asli Semenanjung	26	0.02
Bumiputra Sarawak	1531	1.46
Bumiputra Sabah	4288	4.10
Lain-Lain	1526	1.46
	104549	100.0